

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	ETIQA LIFE INSURANCE BERHAD ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk membeli pelan e-CancerCare. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	e-CancerCare
	<Tarikh>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

e-CancerCare ialah satu pelan perlindungan tulen yang melindungi kanser dari peringkat awal hingga peringkat akhir, sehingga 20 tahun. Produk ini tidak menyediakan sebarang elemen simpanan atau pelaburan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1.	Manfaat Kanser Peringkat Awal	<p>Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu kanser peringkat awal dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh didiagnosis, 30% daripada RM<jumlah yang diinsuranskan> akan dibayar. Senarai kanser peringkat awal adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Karsinoma in situ ii) Kanser Pundi Kencing Peringkat Awal iii) Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal iv) Kanser Prostat Peringkat Awal v) Kanser Tiroid Peringkat Awal <p>Bayaran manfaat kanser peringkat awal akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan dengan amaun yang sama dan hanya akan dibayar sekali sahaja.</p>
2.	Manfaat Kanser Utama	<p>Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu kanser utama dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh didiagnosis, RM<jumlah yang diinsuranskan> akan dibayar.</p> <p>Sekiraya kanser peringkat awal telah dituntut sebelum ini, maka manfaat kanser utama akan dikurangkan dengan bayaran yang dibuat di bawah manfaat kanser peringkat awal, iaitu 70% daripada RM<jumlah yang diinsuranskan> akan dibayar.</p> <p>Polisi akan ditamatkan setelah bayaran manfaat kanser utama, tiada manfaat lain akan dibayar selepas itu.</p>
3.	Manfaat Kanser Peringkat Akhir	<p>Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu kanser peringkat akhir dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh didiagnosis, 150% daripada RM<jumlah yang diinsuranskan> akan dibayar.</p> <p>Sekiraya kanser peringkat awal telah dituntut sebelum ini, maka manfaat kanser peringkat akhir akan dikurangkan dengan bayaran yang dibuat di bawah manfaat kanser peringkat awal, iaitu 120% daripada RM<jumlah yang diinsuranskan> akan dibayar.</p> <p>Polisi akan ditamatkan setelah bayaran manfaat kanser peringkat akhir, tiada manfaat lain akan dibayar selepas itu.</p>

Tahun polisi: <tempoh> tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium anggaran yang perlu anda bayar ialah RM <premium> <mod: tahunan / bulanan>. Tempoh bayaran premium ialah <tempoh> tahun berdasarkan tempoh polisi yang telah anda pilih.

Premium yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur yang telah dicapai anda (umur hari jadi berikutnya) pada tarikh permulaan. Premium mungkin akan dinaikkan pada hari pertama tahun polisi seterusnya, mengikut umur yang telah dicapai anda. Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk amaun premium bagi tahun polisi seterusnya. Kadar Premium adalah tidak dijamin dan Kami berhak untuk mengubah kadar Premium dengan memberikan notis 3 bulan lebih awal.

Semua premium (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang Anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Tiada komisen dikenakan ke atas produk ini, kecuali perbelanjaan berkaitan polisi seperti kos pengurusan termasuk duti setem sebanyak RM10, yang telah dimasukkan ke dalam jumlah premium anda.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan – Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma polisi anda, anda dikehendaki menyatakan dengan sepenuhnya semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat ini ditahan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan kontrak, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat polisi diubah.
- b) Tempoh Percuma – Anda mempunyai pilihan untuk membatalkan polisi atas sebarang sebab dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas polisi telah diterima. Kami akan membatalkan polisi ini dan mengembalikan premium yang telah dibayar. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika polisi ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.
- c) Pembayaran premium perlu diterima dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium tersebut perlu dibayar. Sekiranya premium yang perlu dibayar tersebut tidak diterima dalam masa tempoh tangguh tersebut, polisi anda akan ditamatkan.
- d) Kami akan membayar manfaat kanser dengan syarat orang yang diinsuranskan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Tiada manfaat akan dibayar untuk kanser peringkat awal, kanser utama atau kanser peringkat akhir yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- a) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS);
- b) Sign atau simptom-simptom kanser peringkat awal, kanser utama atau kanser peringkat akhir berlaku dalam 60 hari selepas tarikh permulaan atau pengembalian semula polisi yang terdekat;
- c) Keadaan sedia ada (kecuali didedahkan dan diterima semasa permohonan);
- d) Alkohol atau penyalahgunaan dadah;
- e) Pencemaran radioaktif yang berpunca daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemprosesan;
- f) Kecederaan diri yang disengajakan atau cuba membunuh diri, ketika siuman atau tidak;
- g) Aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- h) Kegagalan untuk mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan dan/atau rawatan, atau penangguhan dalam mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan atau rawatan yang ditentukan yang tidak munasabah.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada polisi untuk pengecualian yang menyeluruh.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh 15 hari tersebut, tidak akan ada apa-apa nilai serahan yang diperolehi di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila e-melkan kepada info@etiqacom.my, atau hubungi Etiqa Oneline ditalian 1-300-13-8888.

9. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline ditalian 1-300-13-8888, atau tulis ke Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mail ke info@etiqua.com.my; atau hubungi talian 03 – 2297 3888, atau kunjungi www.etiqua.com.my. Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang ada.

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etiqua.com.my untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM INSURANS HAYAT MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada <tarikh dikeluarkan>.